SAMPEL PERCUMA

Soalan Sejarah Tingkatan 4 Bab 8 Pilihan Raya + Jawapan

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAB 8 : PILIHAN RAYA

8.1 : Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

1. Gambar berikut menunjukkan pilihan raya yang berlangsung di negara kita.



Apakah tujuan pilihan raya tersebut diadakan? **ms 196**

A Membentuk kerajaan

B Melantik pemimpin parti politik

C Menentukan ahli Dewan Negara

D Memilih Yang di-Pertuan Agong

2. Perkara berikut berkaitan dengan pilihan raya Negara kita kecuali ? ms 194

A Memilih wakil rakyat

B Membentuk kerajaan

C Senat

D Amalan demokrasi

3. Pilihan raya berikut pernah berlaku di Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka, kecuali ? ms196-198

A Pilihan raya majlis perbandaran

B Pilihan raya kampung

C Pilihan raya negeri

D Pilihan raya majlis perundangan persekutuan

4. Pilihan raya peringkat majlis perbandaran telah berlaku di bandar berikut sebelum 1955 kecuali ? ms197

A George Town
B Melaka
C Taiping
D Kuala Lumpur

5.

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi
IMP	2
Parti Buruh Selangor	-
Persatuan penyewa-penyewa rumah	-
Bebas	1
Perikatan (UMNO Kuala Lumpur dan MCA Selangor)	9

Jadual di atas menunjukkan Perikatan UMNO dan MCA telah menang dalam pilihan raya majlis Perbandaran Kuala Lumpur. Mengapakah perikatan ini Berjaya ? ms 197

I Sifat bekerjasama
II Masyarakat bertoleransi
III Parti berkuasa
IV Pemimpin terkenal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Maklumat berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

Parti Perikatan memenangi 226 daripada 268 kerusi

Apakah yang dapat dibuktikan daripada keputusan tersebut? **ms 197**

A Kejayaan kerjasama pelbagai kaum

B Kesetiaaan rakyat kepada raja

C Kebebasan bersuara diiktiraf

D Keperluan rakyat dipenuhi

7. Maklumat berikut merujuk kepada keputusan pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954.

Parti Perikatan memenangi 226 daripada 268 kerusi

Mengapakah Perikatan berjaya dalam pilihan raya tersebut ? **ms 197**

I Sifat bekerjasama

II Pemimpin terkenal

III Parti berkuasa

IV Masyarakat bertoleransi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

8 Pilihan raya yang dijalankan di negara kita telah menyedarkan rakyat dengan amalan ? ms 197

A Birokrasi

B Tirani

C Demokrasi

D Aristokrasi

9 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

Mengapakah pilihan raya di atas diadakan ? Ms 198

I Ke arah kemerdekaan

II Membenteras pengaruh komunis

III Memajukan ekonomi

IV Ke arah berkerajaan sendiri

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

SOALAN	JAWAPAN	MUKA SURAT
1	A	196
2	C	194
3	B	196-198
4	C	197
5	A	197
6	A	197
7	B	197
8	C	197
9	B	198
10	C	199
11	D	200
12	C	200
13	D	201
14	D	
15	D	202
16	B	204
17	C	204
18	B	204-205
19	B	205
20	A	206
21	A	206
22	C	206
23	D	206
24	C	206
25	D	207
26	D	207
27	B	207

BAB 8 : PERKEMBANGAN PILIHAN RAYA DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
BAHAGIAN A (STRUKTUR)

1 Pilihan Raya Umum Pertama perlu diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan dan memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Pengisytiharan pilihan raya ini dibuat oleh Sir Donald MacGillivray.

(a). Apakah keperluan bagi Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan Pilihan Raya Umum Pertama?

.....

.....

[2 markah]

(b). Jawatankuasa Pilihan Raya telah membentuk dua penyata susunan MPP yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B. Mengapakah Tunku Abdul Rahman dan Parti Perikatan memilih bentuk A berbanding dengan Bentuk Bsebagai susunan ahli MPP?

.....

.....

[2 markah]

(c). Huraikan proses rundingan sebelum pilihan raya umum diadakan?

.....

.....

.....

[3 markah]

(d). Pada pendapat anda, mengapakah pilihan raya penting untuk dilaksanakan dalam sesebuah negara?

……...…..

……..

.....

[3 markah]

BAB 8 : PERKEMBANGAN PILIHAN RAYA DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

BAHAGIAN B (ESEI)

1. Pilihan Raya diadakan untuk membolehkan rakyat memilih wakil dalam membentuk kerajaan.

   a Jelaskan latar belakang pilihan raya di negara kita.

   [6 Markah]

   b. Terangkan perkembangan pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu?

   [8 Markah]

   c. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kepentingan pilhan raya bagi sesebuah negara?

   [6 Markah]

2. Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu turut mengalami perubahan dari segi bilangan keanggotaannya.

   (a) Nyatakan 7 orang keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1948 yang terdiri daripada pelbagai bidang tugas.

   [4 markah]

   (b) Jelaskan perubahan jumlah setiap ahli dan keanggotaan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada tahun 1955 iaitu 100 orang.

   [4 markah]

   (c) (i) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, terangkan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 bagi mencapai pemerintahan sendiri dan kemerdekaan.

   [6 markah]

   (ii) Berikan pendapat dan tafsiran anda tentang ucapan Tunku Abdul Rahrnan semasa pembukaan MPP pada 3 I Ogos 1955 iaitu "hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini" iaitu Majlis Perundangan Persekutuan.

   [6 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN

BAB 8 : PERKEMBANGAN PILIHAN RAYA DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

(BAHAGIAN A: STRUKTUR)

Soalan		Cadangan PP	Markah
1 (a)		Apakah keperluan bagi Persekutuan Tanah Melayu untuk mengadakan Pilihan Raya Umum Pertama?	
	F1	Merintis jalan ke arah kemerdekaan	1
	F2	Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)	1
			[2 m]
(b)		Jawatankuasa Pilihan Raya telah membentuk dua penyata susunan MPP yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B. Mengapakah Tunku Abdul Rahman dan Parti Perikatan memilih bentuk A berbanding dengan Bentuk B sebagai susunan ahli MPP?	
	F1	Bentuk A mempunyai enam puluh orang yang dipilih melalui pilihan raya	1
	F2	Manakala Bentuk B mempunyai empat puluh empat orang yang dipilih melalui pilihan raya dan lapan orang tambahan lantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi	1
	F3	Tempoh pilihan raya persekutuan untuk Bentuk A perlu dilaksanakan tidak lewat dari bulan November 1954	1
	F4	Tempoh pilihan raya persekutuan untuk Bentuk B pula tidak menetapkan tarikh atau masa untuk dilaksanakan	1
			[2 m]
(c)		Huraikan proses rundingan sebelum pilihan raya umum diadakan?	
	F2	Tugas jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan dijalankan	1
	F3	Jawatankuasa pilihan raya mengeluarkan 2 bentuk susunan MPP iaitu Bentuk A dan Bentuk B	1
	F4	Tunku Abdul Rahman dan Parti Perikatan memilih Bentuk A	1
	F5	Jawatankuasa Pilihan Raya memilih bentuk B	1
	F6	21 April 1954 Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama Tan Cheng Lock, T.H Tan dan disertai oleh Dato' Abdul Razak Hussein Rombongan ini bertujuan untuk menyatakan hasrat menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP yang dipilih melalui pilihan raya	1
	F7	Tunku Abdul Rahman berjaya menemui ahli Parlimen daripada Parti Buruh British, Parti Konservatif dan Parti Liberal	1
	F8	Tunku Abdul Rahman menyatakan hasrat melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen	1

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan Sejarah T1–5

Set Tingkatan 1–5

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Latihan objektif, struktur dan esei ikut bab (T1–5)
- Modul Sejarah T4 & T5
- Pelan ulang kaji 30 hari

RM24.90

BELI SET PENUH RM24.90 >

nightmew.com/p/latihan-sejarah-tingkatan-1-5 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar